

# Pendidikan ekonomi di Sabah: Tahap penguasaan pelajar masih rendah



**MINDA PENDIDIK**

**ABDUL SAID AMBOTANG**

Bersama

Mohd Yusof Abdullah, Baharom  
Mohamad, Shukri Zain, Muhamad  
Suhaimi Taat dan Roslee Talip

UB 12-09-2012 B4

SATU kajian yang dijalankan baru-baru ini (2011) mendapati 80 peratus responden menganggap kualiti, keperluan serta kesesuaian pembelajaran dalam bidang ekonomi peringkat menengah atas di sekolah menengah yang melibatkan lebih kurang 104 buah sekolah menengah di negeri ini adalah pada tahap yang masih lemah. Kelemahan yang amat ketara dapat dilihat adalah dari aspek teknik, kaedah dan pendekatan yang dilaksanakan oleh para guru atau pengajar dalam menyampaikan ilmu ekonomi yang berkenaan.

Selain itu, dapatan kajian mendapati 60 peratus responden menganggap guru atau tenaga pengajar yang terlibat tidak bermotivasi dalam pengajaran mereka juga turut menyumbang terhadap tahap pencapaian pelajar yang rendah. Kajian tersebut yang membabitkan 25 peratus guru atau tenaga pengajar adalah dari kalangan mereka yang bukan opsyen ekonomi tetapi diminta untuk mengajar mata pelajaran ekonomi disebabkan kekurangan guru dan juga atas permintaan dan kerelaan guru yang terlibat. Ekoran dengan itu, faktor tersebut diandaikan antara penyumbang utama terhadap fenomena ini.

Dapatan tersebut turut dikuatkan lagi apabila 20 peratus lagi responden menganggap guru atau pengajar yang disediakan tidak layak menyampaikan ilmu pengetahuan ekonomi kerana merendahkan kualiti pembelajaran serta menggagalkan maksud penyampaian kandungan ekonomi yang sepatutnya. Hal ini disebabkan oleh penguasaan konten guru atau tenaga pengajar yang sangat terhad akibatnya guru amat terikat kepada buku teks dan bahan rujukan yang 'outdated'. Terdapat kes guru tertentu yang mengajar mata pelajaran ekonomi lebih dari lima tahun tetapi tidak sekali pun pernah dihantar untuk menghadiri kursus peningkatan profesionalisme dan kandungan.

Dari segi keperluan pengajian atau kesesuaiannya kepada bidang ekonomi, lebih 80 peratus responden beranggapan sukatan dan keperluan pengajiannya adalah relevan kepada kehendak pekerjaan dan menganggap penulisan tesis, tugas individu dan kumpulan serta latihan ilmiah adalah perlu serta penting bagi memantapkan lagi asas pengetahuan ekonomi pelajar sebagai persediaan untuk menghadapi peringkat pengajian yang lebih tinggi.

Oleh kerana pergerakan masa yang semakin pantas, pelajar dan para guru atau tenaga pengajar ekonomi tidak seharusnya memandang ringan isu itu kerana pelajar yang berkenaan akan kembali berhadapan dengan masyarakat yang pelbagai dan meletakkan harapan yang tinggi terhadap kemampuan mereka. Justeru mereka seharusnya melengkapkan dirinya dengan segala macam ilmu ekonomi yang penting.

Dapatan daripada kajian juga mempamerkan bahawa kebanyakan pelajar ekonomi yang ditemui melahirkan pandangan yang positif dan berfikiran terbuka dalam memberikan pandangan yang bernas serta mengakui bahawa bidang ekonomi adalah amat penting untuk dipelajari dan dikuasai dalam masa yang sama menjamin tempat dalam penawaran guna tenaga dalam pasaran pada masa akan datang.

Berbandukan kepada soalan terbuka yang dinyatakan dalam soal selidik, beserta beberapa soalan penentuan skor kemahiran yang diperlukan dalam bidang pekerjaan telah dikenal pasti dan dikumpulkan beberapa idea, cadangan, pendapat dan buah fikiran yang bernas bagi memantapkan dan melahirkan pelajar yang berkelulusan ekonomi yang lebih berkualiti dan mantap pada era akan datang.

Susulan daripada dapatan kajian yang telah dijalankan beberapa resolusi telah dihasilkan ke arah penambahbaikan mutu pengajaran mata pelajaran ekonomi. Antara lain cadangan yang diutarakan ialah memastikan sukatan pelajaran dan pembelajaran dalam bidang ekonomi sentiasa berkaitan dengan isu-isu semasa yang relevan bagi mewujudkan pengalaman menghadapi situasi sebenar kepada para pelajar sewaktu berhadapan dengan masalah dalam alam pekerjaan kelak.

Selain itu perlu difahami bahawa bidang pembelajaran ekonomi bukan sahaja tertumpu kepada pendekatan secara teori malahan lebih kepada pendedahan amali dengan setiap pengkhususan yang dipilih oleh para pelajar perlu dilengkapi dengan latihan amali yang diwajibkan. Di samping itu juga perlu dipastikan bahawa sebelum para pelajar ekonomi didedahkan kepada bidang-bidang lain yang berkaitan, asas pengetahuannya dalam ilmu ekonomi perlu mendalam dan mantap agar pelajar terlibat dapat menjejaki susur-galur hubungan yang boleh diwujudkan antara bidang-bidang daripada disiplin yang lain.

Dalam usaha meningkatkan dan menguatkan tahap penguasaan konten guru atau tenaga pengajar secara tidak langsung para pelajar adalah disyorkan agar pihak sekolah dengan usaha sama institusi pengajian tinggi seperti UMS, UiTM serta institusi berkaitan sentiasa mengadakan seminar, bengkel, lawatan ilmiah yang diselenggarakan oleh institusi yang berkaitan dalam bidang ekonomi dan kerjayanya seperti Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Badan Koperasi Negeri, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan sebagainya.

Pihak yang berkenaan juga harus mengambil inisiatif yang serius agar sumber-sumber rujukan, hasil tulisan ilmiah, artikel, bahan bacaan, yang berkualiti dan berkaitan dengan ekonomi perlu ditingkatkan dan disediakan seterusnya dibekalkan ataupun dapat dicapai oleh para pelajar dengan mudah. Peranan guru atau tenaga pengajar ekonomi dalam menyumbang bahan-bahan bacaan ekonomi yang berkualiti adalah sangat dialu-alukan dalam meningkatkan koleksi rujukan yang boleh dimanfaatkan oleh golongan pelajar. Usaha ini boleh juga dimaksimumkan dengan melibatkan para pelajar ekonomi yang didedahkan dengan bidang penulisan artikel, kertas kerja, laporan, pembentangan dan juga pertandingan-pertandingan yang berkaitan dengan bidang ekonomi. Hasil penulisan dan pembentangan yang berkualiti perlu diketengahkan dan diterbitkan agar dapat dijadikan panduan dalam kalangan pelajar ekonomi.

Di sudut yang lain pula penulis meyakini bahawa pendidikan ekonomi juga boleh diperkasakan dengan sokongan kaedah pembelajaran yang sistematik, diatur rapi dengan segala perancangan jangka panjang yang teliti, lebih menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan pelbagai fungsinya.

Hasil daripada penelitian cadangan dan usul yang diutarakan oleh responden dalam kalangan guru ekonomi, penulis merumuskan bahawa terdapat beberapa kursus penting yang perlu didedahkan kepada para guru ekonomi untuk memperbaiki mutu pendidikan ekonomi di sekolah antaranya adalah perhubungan awam, komunikasi terbuka, pendedahan kepada masyarakat, pengukuhan asas agama, khidmat masyarakat, pembelajaran komputer, bidang kewangan dan perbankan, bidang pelaburan dan peramalan, pengajian bahasa dan pengetahuan undang-undang.

Secara kesimpulan pendidikan ekonomi di Sabah perlu kepada satu anjakan paradigma yang serius dengan proses penambahbaikan yang menyeluruh. Peranan semua pihak yang terlibat adalah sangat dituntut khususnya dalam kalangan guru atau tenaga pengajar yang terlibat di institusi latihan pendidikan seperti IPG, sektor awam, sektor swasta dan fakulti pendidikan universiti awam dalam menyumbang idea-idea yang bernas ke arah memantapkan dan melestarikan program pendidikan ekonomi yang bakal disalurkan dalam kalangan guru pelatih ekonomi.

\* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan dapat dihubungi melalui, solat5@yahoo.com